# Notes

B4



**4. Anugerah/pengiktirafan yang diberikan oleh Badan Akademik dan Profesional bertaraf Kebangsaan dan Antarabangsa**
*Awards/stewardships conferred by National and International Academic and Professional Bodies for research excellence*

**Nota Umum:**

- Contoh anugerah/pengiktirafan/*stewardship* (tidak terhad kepada senarai di bawah) yang diambilkira:
  - Penyelidikan
  - Tokoh (Contoh: *Merdeka Awards*)
  - *Fellowship (*Contoh: *Fulbright Fellowship)*
  - Kreativiti (Contoh: *Aga Khan Award for Architecture*, *Royal Institute of British Architect Award, The International Architecture Awards,* Piala Seri Endon, Tokoh Kraf Negara, Anugerah Persatuan Arkitek Malaysia)
  - *Stewardship* bermaksud pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa **atau** '*Task Force*' di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
  - Perlantikan sebagai Ketua Projek penyelidikan kontrak atau perundingan tidak diambilkira.
  - *Editor-In-Chief* bagi jurnal yang tersenarai dalam JCR sahaja.
  - Ahli Lembaga *Editor (Editorial Board member* atau *Advisory Editorial Board member)* untuk jurnal berprestij (10% teratas dalam jurnal ~~bidang~~ yang tersenarai dalam JCR)
- Contoh anugerah/pengiktirafan/*stewardships* yang **TIDAK** diambilkira bagi Seksyen B4(a) – B4(e) (tidak terhad kepada senarai di bawah):
  - *Best Paper Award*
  - *Best Poster Award*
  - *Journal Reviewer Award*
  - *Best Reviewer Award*
  - *Top Cited Researcher*





- Perlu diambil kira sekiranya, anugerah diterima daripada Badan Antarabangsa, contohnya *Thomson Reuters, Quacquarelli Symonds (QS), Shanghai Jiao Tong (ARWU).*
- *Fellow* dan *senior member* dalam sesuatu pertubuhan profesional yang mana terdapat keahlian berbayar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa **tidak boleh** dikatakan sebagai *stewardship* tetapi boleh diambilkira dalam pengiktirafan di Seksyen G.
- Bukti anugerah adalah seperti sijil manakala bukti pengiktirafan adalah seperti surat pelantikan.
- Anugerah dan pengiktirafan daripada IPT yang dinilai (dalaman) **tidak diambilkira.**
- ~~Contoh Badan Akademik dan Profesional:~~
  - ~~**Peringkat Kebangsaan**: Akademi Sains Negara, Akademi Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia dan lain-lain.~~
  - ~~**Peringkat Antarabangsa**: *UNESCO, WHO* dan lain-lain.~~

B4(a) **a) Bilangan anugerah yang diberikan oleh Badan Akademik dan Profesional bertaraf Antarabangsa**
*Total number of awards conferred by International Academic and Professional Bodies for research excellence*

Bilangan anugerah yang diberikan oleh Badan Akademik dan Profesional di **peringkat antarabangsa** kepada staf akademik.

B4(b) **b) Bilangan pengiktirafan/*stewardship* yang diberikan oleh Badan Akademik dan Profesional bertaraf Antarabangsa**
*Total number of recognition/stewardship conferred by International Academic and Professional Bodies for research excellence*

Bilangan pengiktirafan yang diberikan oleh Badan Akademik dan Profesional di **peringkat antarabangsa** kepada staf akademik.

Revision #1

Created Thu, Jul 22, 2021 7:24 PM by FATHUL ARIF KAMARUDIN

Updated Thu, Jul 22, 2021 7:30 PM by FATHUL ARIF KAMARUDIN